



KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI 2024

(APRIL)

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBBJ





BERITA HARIAN 02.04.2024 (SELASA)

Sultan Ibrahim titah SPRM tingkat usaha perangi rasuah

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim mengingatkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki menumpukan usaha memerangi rasuah habis-habisan memandangkan tempoh bulan madu sudah pun berakhir.

Seri Paduka baginda sekali lagi menegaskan bahawa memerangi ancaman rasuah sebagai musuh nombor satu negara adalah antara tumpuan utama dalam pemerintahannya.

Titah itu disampaikan Seri Paduka baginda ketika berkenan menerima menghadap Ketua Pesuruhjaya agensi penguatkuasaan itu di Istana Ne-

gara, semalam.

Dalam hantaran di Facebook Sultan Ibrahim, pertemuan yang berlangsung kira-kira 30 minit menyaksikan Azam mempersembahkan mengenai perkembangan terkini agensi penguatkuasaan itu kepada Seri Paduka baginda.

"Sebagaimana saya tegaskan sebelum ini, *my honeymoon is over, now go catch the bees* (bulan madu beta sudah berakhir, sekarang masa tangkap lebah)," titah Seri Paduka baginda sambil menyerahkan madu sebagai simbolik berakhirnya tempoh 'bulan madu'.

Pada 19 Mac lalu, Sultan Ibrahim bertitah akan melaksana-



Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Azam di Istana Negara, semalam.
(Foto ihsan FB Sultan Ibrahim)

kan cara pemerintahan yang sebenar selepas hampir tempoh bulan madu.

Baginda juga bertitah bahawa baginda 'bukan patung untuk disembah atau dijadikan perhiasan dalam majlis atau dipaksa mengikut segala kata dan kehendak menteri'.

Sultan Ibrahim melafazkan sumpah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-17 selama lima tahun dalam upacara di Istana Negara, Kuala Lumpur, pada 31 Januari lalu.

Baginda menggantikan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang tamat tempoh pemerintahannya.



HARIAN METRO

04.04.2024 (KHAMIS)

DIDAKWA TIPU UNTUK DAPATKAN KONTRAK RM3.9B

'Saya tak salah, dah banyak tolong negara'

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

"Saya tidak bersalah, saya sudah tolong negara banyak lama."

Demikian kata Pengurus Spanco Sdn Bhd, Tan Sri Tan Hui Choon sejurus pertuduhan dibacakan selepas taikun perniagaan itu didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan menipu Kementerian Kewangan untuk mendapatkan kontrak urus kenderaan kerajaan bernilai RM3.9 bilion, lima tahun lalu.

Tan atau lebih dikenali dalam dunia korporat sebagai Robert Tan, 83, hadir ke mahkamah dengan sut berwarna biru dan bertongkat membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan dalam Bahasa Melayu di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Mengikuti pertuduhan, Tan didakwa menipu Kementerian Kewangan dengan memperdayakan Jawatankuasa Pembuka Peti Tender bagi tender bertajuk *Request For Proposal for Supply, Repair, Maintenance and Management of Government of Malaysia Vehicle Fleet* di Unit Kerjasama Awam Swasta di Kementerian itu.

Ia berhubung terdapat pemilikan saham sekurang-kurangnya 30 peratus oleh Bumiputera di Spanco melalui dokumen bertajuk *Appendix IV (Annex I) Bidder's Profile* dan dengan itu Tan secara tidak jujur mendorong Kementerian Kewangan untuk menganugerahkan kontrak *Supply, Repair, Maintenance and Management of Government of Malaysia Vehicle Fleet* bernilai RM3,966,386,628 kepada Spanco, yang Kementerian itu tidak akan berbuat demikian sekiranya tidak diperdayakan.



ROBERT Tan hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam.

Kesalahan didakwa dilakukan di Bilik Tender, Unit Kerjasama Awam Swasta, Kementerian Kewangan, Presint 2, Persiaran Perdana, Putrajaya antara 27 dan 28 Februari 2019.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang membawa hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan sebat serta denda jika sabit kesalahan.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Mahadi Abdul Jumaat mencadangkan jaminan RM2 juta dengan seorang penjamin terhadap tertuduh seperti dipersetujui pihak pembelaan tokoh korporat berkenaan.

"Syarat jaminan lain, tertuduh dikehendaki serahkan paspoet hingga kes selesai dibicarakan dan memohon tertuduh melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Ra-

suah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur pada minggu pertama setiap bulan.

"Ketiga, tertuduh tidak dibenarkan mengacau ganggu atau berhubung saksi pendakwaan secara terus atau menerusi pihak ketiga hingga kes selesai," katanya.

Bagaimanapun, peguam bela Tan, Datuk Wan Azmir Wan Majid tidak membantah cadangan jaminan RM2 juta walaupun ia dilihat sebagai jumlah yang tinggi.

"Anak guam ada *hypertension*, sakit lutut dan belakang, selain sentiasa memerlukan bantuan perubatan. Pergerakan anak guam bergantung kepada tongkat dan sentiasa dibantu individu lain untuk urusan harian.

"Dalam kes ini, penjamin adalah anak tertuduh. Seterusnya, permintaan untuk menyerahkan paspoet menyekat perjalanan dan pergerakan anak guam.

"Dengan demikian, syarat melapor setiap bulan adalah tidak perlu memandangkan ada syarat sedemikian. Secara alternatif, saya memohon memper-

tuk melapor diri setiap tiga bulan kerana tiada risiko melarikan diri," katanya.

Sementara itu, peguam pemerhati mewakili Spanco, Razlan Hadri khuatir tertuduh sebagai pengarah eksekutif syarikat itu yang masih aktif dalam perniagaan tidak sengaja berhubung saksi pendakwaan.

"Boleh kami dapatkan senarai saksi? Apakah maksud kacau ganggu? Saya tahu tak boleh kacau ganggu dalam kes ini tetapi sekiranya tertuduh tak berhubung dengan mana-mana pegawai Spanco mungkin agak sukar.

"Boleh dapatkan penjelasan daripada pendakwaan," katanya.

Mahadi berkata, pertembungan antara saksi yang masih bekerja di syarikat itu dan tertuduh tidak dapat dlelakkan.

"Bagaimanapun, bila kita katakan berkenaan dengan kacau ganggu saksi apabila kami menerima laporan ada cubaan berbincang dengan saksi berkenaan atau sebarang usaha mempengaruhi saksi untuk memberi keterangan.

"Itu maksud kami. Bukan maksud tidak boleh bertembung langsung atau saksi perlu meletak jawatan di syarikat itu," katanya.

Mendengar hujahan kedua-dua pihak, Suzana membenarkan jumlah jaminan RM2 juta dengan seorang penjamin seperti dipersetujui pendakwaan dan pembelaan dengan syarat tambahan paspoet diserahkan kepada mahkamah, tertuduh tidak boleh mengganggu saksi secara terus atau melalui pihak ketiga serta melaporkan diri di pejabat SPRM setiap dua bulan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 4 Jun ini.



SINAR HARIAN

06.04.2024 (RABU)



SPRM jalankan siasatan sejak dua hari lalu berdasarkan aduan awam.

SPRM 'LAWAT' FAM

Beberapa fail turut diambil berdasarkan dakwaan salah laku

Oleh Syazwan Msar
mohdsyazwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) terus bergoncang apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mula membuat kerja mereka dengan 'melawat' badan induk bola sepak negara itu dua hari lalu.

Situasi terbabit disahkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki yang memaklumkan bahawa pihaknya sudah mula menjalankan siasatan berdasarkan kepada aduan orang ramai.

Beliau berkata, beberapa bukti seperti fail turut diambil pegawai SPRM dalam usaha untuk melengkapkan siasatan berkaitan dakwaan membabitkan salah laku yang terjadi di FAM.

"Berdasarkan kepada aduan awam, SPRM menjalankan siasatan sejak dua hari lalu. Kami juga mengambil beberapa fail daripada FAM sebagai sebahagian daripada siasatan.

"Kebanyakan isu yang disebut (dalam surat layang) tersebut berkaitan hal pentadbiran, dan SPRM tidak akan meneliti perkara tersebut. SPRM hanya akan membuat siasatan terhadap dakwaan isu jenayah. Setakat ini, kami tidak mahu mendedahkan sebarang butiran kerana siasatan sedang dijalankan.

"Orang ramai dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang spekulasi tetapi memberi ruang untuk siasatan dijalankan. SPRM akan menjalankan siasatan secara profesional dan bertindak adil kepada semua pihak yang terbabit," katanya ketika dihubungi Arena Metro.

Terdahulu, tular di media sosial surat layang dalam bentuk e-mel yang membangkitkan isu kepimpinan dan pengurusan FAM.

Empat perkara utama yang dibangkitkan ialah penyalahgunaan kuasa oleh Setiausaha Agung FAM, gaji serta manfaat staf, isu membabitkan skuad Harimau Malaya dan projek Pusat Latihan Kebangsaan.

Kesemua dakwaan sekali gus menambah tekanan dan kehangatan sehari sebelum berlangsungnya Kongres Tahunan ke-60 FAM pada Isnin lalu.

Sementara itu, menurut sumber, sememangnya sejak beberapa hari lalu terdapat pegawai SPRM yang hadir ke pejabat FAM di Kelana Jaya untuk siasatan lanjut.

"Memang ada beberapa pegawai hadir ke pejabat FAM. Namun, tidak diketahui motif mereka berbuat demikian," katanya.



HARIAN METRO

04.04.2024 (KHAMIS)

CUBA RASUAH ANGGOTA MBIP

Peniaga barang lusuh tak mengaku salah

Johor Bahru: Seorang pemilik perniagaan barangan lusuh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas pertuduhan merasuah seorang pembantu penguat kuasa Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) berbentuk wang tunai RM500 pada Jun tahun lalu.

Tertuduh, Lee Swee Huat, 55, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan berkenaan di Swee Huat Enterprise di Taman Damai Jaya, Johor Bahru sebagai dorongan untuk tidak dikenakan tindakan undang-undang kerana meletakkan barangan lusuh di tempat awam tanpa kebenaran MBIP.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang mem-

peruntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan, atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Nur Zahida Muhammad Rozi dan Pegawai Pendakwa SPRM Rais Adha Ramli, manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Azrulsani Othman.

Terdahulu, Rais Adha mencadangkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin, berserta syarat tambahan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan perlu melapor diri di pejabat SPRM Johor Bahru setiap bulan.

Bagaimanapun, Mohamad Azrulsani memohon jaminan rendah kerana anak guamnya tidak berpendapatan tetap iaitu sekitar RM2,000 sebulan, selain menghidap penyakit darah tinggi dan kencing manis.



BERITA HARIAN 07.04.2024 (AHAD)

Anwar ingatkan anggota kastam, imigresen elak salah laku, rasuah

PM adakan lawatan mengejut tinjau penugasan anggota JKDM, JIM di LTAPP

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam berkongsi video mengenai lawatan mengejut beliau ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

La susulan lawatan Perdana Menteri ke Pulau Pinang kelmarin, dengan pengisian jadual padat sepanjang sehari di negeri itu.

Minggu lalu, Jemaah Menteri meluluskan usaha pembesaran LTAPP yang menelan kos melebihi RMI bilion dengan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) akan bertanggungjawab bagi proses tender dan pembiayaan projek berkenaan.

Perdana Menteri melalui perkongsian di Facebook, berkata lawatan beliau ke LTAPP itu bertujuan melihat sendiri pengurusan dan fasiliti lapangan terbang serta penugasan anggota khususnya Jabatan Kas-



Anwar meninjau penugasan anggota kastam dan imigresen ketika melakukan lawatan mengejut ke LTAPP, kelmarin.

(Foto Ihsan Facebook Datuk Seri Anwar Ibrahim)

tam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Elak rugi berbilion ringgit

"Saya sampaikan pesan kepada semua anggota bertugas dengan penuh disiplin dan integriti.

"Pastikan tiada lagi kecurangan dalam kalangan anggota yang boleh menyebabkan kerugian berbilion ringgit kepada negara," katanya.

Selasa lalu, Perdana Menteri ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama

Setiap agensi penguat kuasa dipantau rapat



Keratan akhbar BH Rabu lalu.

Warga Kementerian Kewangan memberi peringatan kepada semua agensi penguatkuasaan termasuk JKDM, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Imigresen supaya

mengelakkan salah laku, rasuah serta kecurangan.

Bellau menegaskan, pihaknya sedang memantau secara dekat semua agensi berkaitan supaya tidak terpalit dengan isu berkenaan.

SPRM sebelum ini mendedahkan jumlah ketirisan akibat kegiatan sindiket penyeludupan membabitkan beberapa anggota Kastam di Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang mencecah RM2 bilion bagi tempoh tiga tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM,

Tan Sri Azam Baki, dilaporkan berkata setakat ini seramai 34 anggota penguat kuasa dan 27 individu serta pemilik syarikat ditahan menerusi Ops Samba 2.0 kerana melindungi dan memudahkan aktiviti penyeludupan sindiket itu.

Anggota dan pegawai penguat kuasa berusia 30 hingga 50 ditahan dipercayai menerima wang rasuah lebih RM4.7 juta daripada sindiket bagi memudahkan kegiatan penyeludupan tembakau kunyah, rokok, arak, produk kesihatan dan alat ganti kenderaan.



HARIAN METRO 07.04.2024 (AHAD)

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih menjalankan siasatan terhadap sindiket penyeludupan arak dan rokok membabitkan ketirisan cukai RM2 bilion susulan penahanan 34 anggota serta pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), baru-baru ini.

Menurut sumber, ada beberapa tindakan sedang dijalankan termasuk mengesan aliran wang ha-

PENAHANAN 34 ANGGOTA, PEGAWAI JKDM *SPRM kesan aliran wang hasil kegiatan penyeludupan*

sil kegiatan penyeludupan terbabit.

"Setakat ini tiada tangkapan baharu membabitkan penjawat awam dan pemilik syarikat namun siasatan sedang dijalankan.

"Penjawat awam dan pemilik syarikat yang ditahan sebelum ini sudah dibebaskan dengan jaminan," katanya.

Penjawat awam ditahan sebelum ini dibebaskan dengan jaminan

Katanya, sehingga kini sejumlah 231 akaun bank milik individu berkenaan dan syarikat yang bertindak sebagai

keldai akaun dibekukan dengan jumlah pembekuan kira-kira RM17.6 juta.

Harian Metro sebelum ini melaporkan seramai 34 anggota dan pegawai JKDM yang bersekongkol dengan sindiket penyeludupan arak serta rokok membabitkan ketirisan hasil cukai ditahan dalam Ops Samba 2.0 sejak 11 Mac lalu.

Mereka berusia 30-an hingga 50-an terdiri daripada pembantu penguat

kuasa kastam sehingga ke penolong pengarah kastam yang bertugas di Cawangan Import/Eksport di KLIA, Sepang.

Turut ditahan, 27 individu termasuk pemilik syarikat dalam industri pengimportan dan penjualan arak serta rokok seludup yang dipercayai merasuah pegawai agensi penguatkuasaan bagi melindungi aktiviti penyeludupan yang dijalankan sejak 2017 sehingga kini.



SINAR HARIAN 17.04.2024 (RABU)

Dituduh beri, subahat rasuah polis

Dua scammer mengaku tidak bersalah

Oleh NOR FARHANA YAACOB
MELAKA

Dua individu dipercayai ahli kumpulan sindiket penipuan didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini pada Selasa, atas tuduhan bersubahat menyogok seorang pegawai kanan polis pada Jun tahun lalu.

Tertuduh Teo Teck King, 26, dan Keong Kah Wai, 19, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah se-jurus pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan

Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan, Teck King, didakwa secara rasuah memberikan satu suapan iaitu wang tunai RM60,000 kepada seorang pegawai polis berpangkat Deputy Superintendan yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Melaka Tengah sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan ke atas dirinya dan rakan-rakan yang disyaki melakukan aktiviti penipuan.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Jika disabitkan kesalahan tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi. Manakala, Kah Wai didakwa



Kah Wai (depan, tengah) dan Teck King (belakang, tengah) ketika dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka pada Selasa.

di bawah Seksyen 28(1)(c) Akta SPRM 2009 dibaca bersama Seksyen 17(b) dan Seksyen 24(1) akta yang sama kerana bersubahat dalam perlakuan kesalahan Teck King yang memberikan suapan kepada

pegawai polis.

Kesemua kesalahan itu dilakukan kira-kira jam 1.15 tengah hari di hadapan sebuah kedai serbaneka, Simpang Ampat dalam daerah Alor Gajah pada 1 Jun 2023.

Susulan pengakuan tidak bersalah oleh dua rakan itu, Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali menawarkan jaminan RM80,000 dengan seorang penjamin selain syarat tambahan, tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat SPRM Melaka pada setiap bulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Bagaimanapun peguam Umar Zulkarnain yang menyebut bagi pihak Peguam Daljit Singh memohon jaminan terhadap mereka dikurangkan.

Hakim kemudian membenarkan Teck King diikat jamin sebanyak RM40,000 dan RM30,000 terhadap Kah Wai dengan seorang penjamin serta syarat tambahan seperti yang dicadangkan oleh pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan sebutan semua kes pada 21 Mei depan untuk serahan dokumen.





HARIAN METRO

19.04.2024 (JUMAAT)

MINTA, TERIMA SOGOKAN BULANAN

Kakitangan Jabatan Perikanan Perlis direman

Kangar: Seorang penguatkuasa Jabatan Perikanan Negeri Perlis direman empat hari sehingga 21 April bagi membantu siasatan terhadap dakwaan meminta dan menerima rasuah daripada sebuah syarikat bot penangkapan ikan di Perlis.

Tindakan itu sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap bot milik syarikat berkenaan.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Nurshahida Abdul Rahim, selepas suspek yang bertugas sebagai pembantu laut Gred A19 itu dibawa ke mahkamah itu sekitar jam 8.45 pagi semalam.

Sumber berkata, penahanan suspek berusia 44 tahun itu dilakukan hasil maklumat dan risikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Ne-

geri Perlis terhadap kegiatan suspek itu.

"Suspek dipercayai meminta rasuah antara RM500 hingga RM800 setiap bulan antara Januari hingga Disember 2022 daripada seorang pengusaha sebuah syarikat bot penangkapan ikan sebagai dorongan supaya pihak Jabatan Perikanan Negeri ini tidak mengambil tindakan terhadap kesalahan yang dilakukan oleh lima bot penangkapan ikan milik syarikat itu.

"Suspek dipercayai membocorkan maklumat mengenai operasi penguatkuasaan yang dilakukan oleh jabatannya serta agensi penguatkuasaan lain di sekitar perairan Perlis" katanya.

Katanya, wang rasuah yang diminta itu kemudian akan dimasukkan ke dalam akaun bank 'orang te-

ngah' yang dipercayai akaun peribadi milik suspek.

"Suspek berkhidmat dengan jabatan berkenaan lebih 10 tahun dan sudah berkahwin.

"Kita percaya wang rasuah yang diminta oleh suspek sepanjang tempoh itu pula hanya mencecah sebanyak RM4.800 sahaja," katanya.

Semalam, suspek ditahan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perlis di Kangar sekitar jam 2 petang selepas diminta hadir untuk diambil keterangannya.

Sumber berkata, kes diasas mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Gani mengesahkan penahanan suspek terbabit.



HARIAN METRO

19.04.2024 (JUMAAT)

Melaka: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pegawai dan bekas pegawai sebuah bank bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima suapan daripada beberapa firma guaman di sekitar negeri ini berjumlah RM316,064.33.

Menurut sumber, kedua-dua suspek berusia 43 dan 35 tahun disyaki meminta dan menerima suapan dalam membantu memberikan rujukan kes kepada beberapa firma guaman untuk urusan dokumentasi pinjaman hartanah daripada bank terbabit.

"Siasatan SPRM mendapati suspek berusia 43 tahun masih bertugas di ibu pejabat bank terbabit di Petaling Jaya, Selangor manakala seorang lagi suspek bekas pegawai di cawangan bank sama di Melaka.

"Mereka disyaki melakukan kesalahan antara 2018 hingga 2022," katanya.

Sumber berkata, kedua-dua suspek ditahan jam 6 petang kelmarin di

PEGAWAI, BEKAS PEGAWAI BANK DITAHAN

Minta suapan RM316,064



PEGAWAI SPRM MELAKA mengiringi dua suspek yang direman bagi membantu siasatan kes rasuah lebih RM300,000. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD.

pejabat SPRM Melaka bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Majistret Nabilah Nizam membenarkan kedua-dua suspek direman empat hari bermula semalam hingga 21 April ini selepas dipohon pega-

wai penyiasat SPRM bagi melengkapkan siasatan.

Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie mengesahkan tangkapan ke atas kedua-dua suspek dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(A)

Akta SPRM 2009.

Katanya, seksyen itu memperuntukkan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun jika sabit kesalahan.



SINAR HARIAN 19.04.2024 (JUMAAT)

Rasuah: Bekas pegawai, pegawai bank direman

MELAKA - Seorang pegawai dan bekas pegawai sebuah bank direman kerana disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM316,064.33 antara 2018 hingga 2022.

Perintah reman selama empat hari bermula Rabu sehingga Ahad ini terhadap kedua-dua tertuduh dikeluarkan oleh Majistret Nabilah Nizam.

Sumber berkata, suspek berumur 35 tahun merupakan bekas pegawai bank negeri ini manakala suspek 43 tahun masih bekerja di ibu pejabat bank sama di Petaling Jaya, Selangor.

Difahamkan, mereka disyaki menerima suapan dalam membantu memberikan rujukan kes kepada beberapa firma guaman untuk urusan dokumentasi pinjaman hartanah daripada institusi kewangan tersebut.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka, Adi Supian Shafie mengesahkan tangkapan ke atas kedua-dua suspek.



BERITA HARIAN

23.04.2024 (SELASA)

Kes 1MDB

SPRM tak rekod pertemuan Najib, Raja Arab Saudi

Bekas Perdana Menteri tidak pernah dedah kepada pegawai penyiasat

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, kenyataan diberikan Datuk Seri Najib Razak kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menyatakan mengenai pertemuan bersama Raja Arab Saudi, Almarhum Raja Abdullah Abdulaziz Al-Saud, pada Januari 2010.

Bekas Perdana Menteri itu melalui pembelaannya sebelum ini dalam kes penyelewengan dana milik SRC International Sdn Bhd, mendakwa bahawa beliau percaya wang dalam akaunnya adalah derma daripada Arab Saudi berikutan pertemuannya dan delegasi Malaysia dengan

Raja Abdullah di Riyadh serta pemimpin dari Asia Barat.

Saksi ke-49 pendakwaan yang juga Penguasa Kanan SPRM, Nur Aida Arifin, berkata beliau tidak merekodkan kenyataan daripada menteri yang menghadiri pertemuan terbabit ketika itu kerana isu berkenaan tidak pernah timbul dan Najib tidak mendedahkan perkara itu apabila dipanggil SPRM untuk direkodkan kenyataan pada 2018.

"Tidak ada isu (berhubung perkara ini) kerana kenyataan kepada SPRM juga tidak menyebut mengenainya dan isu hanya timbul ketika perbicaraan SRC," katanya.

Nur Aida juga berkata, tiada arahan daripada pihak pendakwaan untuk mendapatkan kenyataan daripada menteri berkenaan ketika itu.

Saksi itu merujuk kepada rakaman kenyataan diambil daripada Najib pada 2018 di mana bekas Perdana Menteri itu memberitahu bahawa beliau percaya wang yang dimasukkan ke dalam akaun banknya sebagai derma daripada kerabat Arab Saudi pada 2013.

Nur Aida berkata, Najib hanya

memberitahu SPRM terdapat pertemuan bagi membuktikan ia adalah derma, bagaimanapun tiada butiran bahawa delegasi dalam pertemuan itu membabitkan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; bekas Menteri Luar, Tan Sri Anifah Aman, dan bekas Duta Malaysia ke Arab Saudi, Profesor Datuk Syed Omar Syed Mohamad Al-Saggar.

Saksi itu berkata demikian ketika disoal balas peguam Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, pada perbicaraan penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berjumlah RM2.3 bilion.

Bebas tambah butiran

Disoal Muhammad Shafee mengapa SPRM tidak mendesak Najib untuk menjelaskan lebih lanjut mengenai pertemuan terbabit, Nur Aida berkata, Najib bebas untuk menambah apa-apa butiran yang dimahukan ketika memberikan kenyataan, namun beliau tidak berbuat demikian.

Dalam pada itu, Nur Aida berkata, SPRM memohon Bantuan Perundangan Bersama (MLA) Arab Saudi untuk mendapatkan



Najib dibawa ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto Bernama)

maklumat berhubung surat derma kepada Najib, namun tidak mendapat sebarang maklum balas mahupun kerjasama daripada negara berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, beberapa pegawai kanan SPRM pergi ke Arab Saudi untuk bertemu dua putera Raja Arab yang memberikan keterangan melalui peguam mereka.

Nur Aida disoal balas mengenai surat derma daripada bekas Gabenor Wilayah Madinah, Saud Abdulaziz Majid Al-Saud, sama ada SPRM menyoal siasat siapa pemimpin negara Asia Barat terbabit.

Beliau juga ditanya apa tindakan diambil SPRM bagi memastikan surat derma berkenaan adalah tulen dan bukan satu penipuan.

Saksi itu berkata, beliau bukan salah seorang pegawai pergi ke Arab Saudi, yang terdiri daripada pegawai tinggi SPRM.

Katanya, pegawai terbabit bertemu dua putera raja yang memberi kenyataan melalui peguam mereka bahawa surat itu sememangnya daripada Al-Saud.

"Sama ada SPRM berpuas hati atau tidak dengan maklumat berkenaan, saya tidak bersetuju. Pertama, keterangan yang diambil bukan daripada Putera Al-Saud sendiri dan tiada bukti bertulis yang menunjukkan salinan asal surat dan bukti yang menunjukkan ia sememangnya daripadanya (Putera Al-Saud)," katanya.

Najib, 70, berdepan empat pertuduhan, iaitu menggunakan kedudukan beliau ketika itu untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB, dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung.



SINAR HARIAN

23.04.2024 (SELASA)

Ingatan kepada para pemimpin, pegawai kerajaan memiliki kuasa, kedudukan

Oleh **NURATIKAH ATHILYA HASSAN**
SHAH ALAM

Individu yang diamanahkan dengan jawatan dan kuasa sama ada sebagai anggota pentadbiran kerajaan atau pegawai awam perlu memahami agama dan mengetahui had ketika menjalankan tugas.

Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) menerusi satu kenyataan berkata, pemimpin sepatutnya memahami risiko apabila memegang jawatan tersebut kerana ia terdedah kepada jenayah rasuah dan pecah amanah.

"Masih ramai dalam kalangan pegawai awam dan swasta terlibat dengan jenayah rasuah walaupun sudah banyak peringatan dan pengajaran diberikan. Mereka degil serta keras hati, tidak takut kepada larangan ajaran agama.

"Apatah lagi larangan oleh undang-undang berkuatkuasa, hilang kerja, tergadai maruah diri dan nama keluarga tercemar," kata kenyataan itu, baru-baru ini.

Dari sudut Islam, tambah MCW, rasuah bukan sahaja satu dosa, malah memberi kesan cukup besar dan dahsyat kepada individu terlibat serta melemahkan sistem



Rasuah boleh mengakibatkan terkuburnya integriti dan melahirkan seorang pegawai awam, swasta atau peniaga rendah akhlak yang mudah terdorong melakukan perbuatan keji.

kekeluargaan, masyarakat, organisasi, pentadbiran negara termasuk kedaulatan negara yang mendaulatkan Islam sebagai sistem pemerintahan.

Menurut kenyataan itu, amalan jenayah rasuah boleh mengakibatkan terkuburnya integriti di mana melahirkan seorang pegawai awam, swasta atau peniaga rendah

Fahami hukum agama elak terjebak rasuah

akhlak, tidak amanah dan mudah terdorong melakukan perbuatan keji.

"Implikasinya cukup besar dan amat bahaya kepada rakyat dan negara, apabila seseorang individu yang dilantik sebagai pemimpin atau pemerintah kerana menerima sogokan rasuah dan tidak berlandaskan kelayakan dan kemampuan sebenar.

"Selain itu, ia juga akan menyebabkan pembentukan keperibadian pemalas tetapi hidup bergaya dan mampu mencipta watak individu mementingkan diri, meninggikan diri serta angkuh," tegasnya.

Justeru, MCW mengingatkan semua pihak bahawa jenayah rasuah boleh menyebabkan rezeki dan harta seseorang tidak berkat kerana memperoleh wang secara haram.

Kata kenyataan itu, kehidupan di dunia akan sentiasa dilanda bencana atau musibah dan jiwa tidak tenteram seperti menimbulkan perasaan dengki, dendam, hilang kepercayaan serta menimbulkan kebencian masyarakat walaupun mempunyai harta yang banyak.



SINAR HARIAN

23.04.2024 (SELASA)

Bekas AJK Zakat MAIDAM, isteri didakwa salah guna kuasa, kemuka tuntutan palsu

KUALA TERENGGANU - Bekas ahli majlis sebuah badan kerajaan di Terengganu dan isterinya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin, atas dakwaan salah guna kuasa dan mengemukakan tuntutan mengandungi butir matan palsu menecah RM20,000.

Tertuduh, Datuk Mohamad Zahari Harun, 64, dan isteri, Lydia Irmawati Mahmud, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan ke atas mereka dibacakan di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Berdasarkan pertuduhan, Mohamad Zahari yang juga bekas Ahli Jawatankuasa Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) didakwa menggunakan jawatannya melantik Syarikat Amcare Agency sebagai Agen Kutipan Zakat pada Mesyuarat Jawatankuasa Zakat MAIDAM kali keempat pada 2019 di mana syarikat tersebut adalah milik isterinya sendiri.

Dengan itu, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara tidak lebih

20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan.

Sementara itu, Lydia Irmawati yang juga Pemilik Syarikat Amcare Agency berdepan lapan pertuduhan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan atas dakwaan menipu tuntutan bayaran balik wakalah 2/8 bahagian (fakir & miskin), sedangkan tuntutan tersebut tidak pernah dibuat oleh pembayar zakat tersebut.

Kesalahan itu didakwa dilakukan pada Disember 2020 hingga Mac 2021 di Pejabat Bahagian Pengurusan Zakat MAIDAM.

Mengikut pertuduhan, jumlah tuntutan bayaran balik 2/8 bahagian (fakir & miskin) yang dituntut mencecah RM20,000 dan tuntutan tersebut dimasukkan ke dalam akaun syarikat miliknya.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan tidak kurang setahun dan maksimum 10 tahun dan sebat, serta denda.

Mahkamah kemudian memerintahkan Mohamad Zahari membayar jaminan sebanyak RM7,000 sementara isterinya diarah membayar jaminan sebanyak RM10,000.

Mahkamah menetapkan tarikh sebutan semula kes itu pada 20 Mei depan melalui aplikasi Zoom.



SINAR HARIAN

23.04.2024 (SELASA)

Jurutera awam kanan JKR mengaku tidak bersalah tuduhan menipu

ALOR SETAR - Seorang Jurutera Awam Kanan grad J48 didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, pada Isnin atas pertuduhan menipu dan ber-subahat meluluskan pembayaran kursus latihan pada tahun 2018.

Tertuduh, Fadziyani Mohamed, 55, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Jean Sharmila Jesudason.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh yang bertugas sebagai Ketua Unit Tentera Jabatan Kerja Raya (JKR) Kedah, Kom Lapangan Sungai Petani ketika kejadian didakwa ber-subahat dengan Pengurus Syarikat Genius Intellect Services, Mohd Aswad Hamzah untuk menipu Jabatan Akauntan Negara.

Tertuduh secara tidak jujur menipu Pembantu Akaun, Mohd Ashari Abdul Wahab untuk meluluskan pembayaran yuran perkhidmatan Kursus Latihan Kakitangan Kursus Pemasangan Penyaman Udara bernilai RM19,950 kepada Syarikat Genius Intellect Services pada 31 Mei 2018 di Pejabat



Fadziyani (kanan) dibawa pegawai SPRM selepas mendengar pendakwaan terhadapnya pada Isnin.

Jabatan Akauntan Negara, Kota Setar.

Oleh itu, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 415 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan dia boleh dihukum penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Zulfadli Azharudin, manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Norazam Majid.

Zulfadli meminta mahkamah menetapkan jaminan RM30,000 ke atas tertuduh

yang kini bertugas di Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur, berikutan kesalahan dilakukannya adalah serius dan membabitkan kepentingan awam.

Selepas mendengar rayuan, Jean Sharmila kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM8,000 berserta seorang penjamin.

Tertuduh juga perlu menyerahkan pasport antarabangnya dan melapor diri di Pejabat SPRM terdekat setiap bulan.

Mahkamah menetapkan 20 Mei depan sebagai tarikh serahan dokumen dan pengurusan kes.



HARIAN METRO 24.04.2024 (RABU)

Tawau: Seorang pekebun didenda RM10,000 dan dihukum penjara dua hari oleh Mahkamah Khas Rasuah di sini semalam atas kesalahan merasuah anggota keselamatan bertugas di pusat pemeriksaan daratan atau *Road Check Point* (RCP) di Jalan Kalabakan, Mac tahun lalu.

Hakim Jason juga menjatuhkan hukuman itu ke atas Buba Pangewa, 67, selepas mengaku bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 17 (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta sama.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa cuba memberi suapan RM100

Pekebun cuba suap RM100, kena denda pula RM10,000

kepada anggota polis berpangkat koperal ketika bertugas di RCP Kalabakan pada 13 Mac tahun lalu.

Suapan itu dibuat sebagai dorongan supaya melepaskan seorang lelaki warga Indonesia, Yohanis Pappang yang memiliki paspot tamat tempoh.

Atas kesalahan itu, tertuduh berdepan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan didenda sehingga lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes,

tertuduh ketika ditahan untuk pemeriksaan menyatakan kepada Koperal Samsul Wahab bahawa wang dalam plastik tersebut untuk membeli rokok dan tujuan melepaskan tertuduh bersama Yohanis bagi meneruskan perjalanan ke Keningau untuk menguruskan pasport yang tamat tempoh.

Walaupun diberikan amaran berkali-kali, tertuduh tidak mengendahkaninya sebelum dia ditahan untuk tindakan lanjut.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa SPRM

Rekhraj Singh manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tertuduh dalam rayuannya memohon hukuman ringan dengan alasan hanya bekerja sebagai tukang kebun selain mempunyai tanggungan seorang isteri dan empat anak.

Mahkamah bagaimanapun memerintahkan tertuduh didenda RM10,000 dan dipenjara dua hari berkuat kuasa dari tarikh sabitan selain tambahan tiga bulan penjara jika gagal membayar denda berkenaan.



BUBA (kiri) didenda RM10,000 dan penjara dua hari selepas mengaku bersalah memberi rasuah RM100 kepada anggota polis. -Gambar NSTP/ABDUL RAHEMANG TAIMING.



SINAR HARIAN

25.04.2024 (KHAMIS)

Bantu siasatan kes
kemuka tuntutan palsu
bersama lima
lagi individu

Oleh HSIYAMUDDIN AYUB
dan ROSLINDA HASHIM
KUALA LUMPUR

Anak lelaki kepada Menteri Besar Perlis antara enam ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung kes mengemukakan dokumen dan tuntutan palsu bernilai RM600,000 sejak dua tahun lalu.

Menurut sumber, tuntutan itu digunakan bagi kerja baik pulih, penyelenggaraan, perkhidmatan serta pembekalan melibatkan Pejabat Menteri Besar Perlis.

Katanya, SPRM berjaya mendapatkan perintah reman selama dua hari bermula Rabu yang dikeluarkan oleh Majistret Ana Rozana Mohd Nor ke atas suspek, selepas suruhanjaya itu mengemukakan permohonan reman di Mahkamah Majistret Kangar pada pagi Rabu.

"Setakat ini, empat pemilik perniagaan termasuk seorang daripadanya anak menteri besar serta dua pegawai awam dipercayai terlibat mengemukakan sejumlah tuntutan palsu.

"Tuntutan itu dibuat bagi kerja naik taraf atau baik pulih infrastruktur awam bernilai hampir RM590,000 serta pembekalan air mineral bernilai RM20,000.

"Perbuatan berkenaan dilaku-

Anak MB Perlis ditahan SPRM



SPRM menahan reman enam individu termasuk anak Menteri Besar Perlis bagi bantu siasatan kes tuntutan hampir RM600,000 menggunakan dokumen mengandungi butir matan palsu.



kan sejak tahun 2022, sedangkan kerja dan pembekalan tersebut tidak dilaksanakan seperti yang dituntut," katanya.

Sumber berkata, kesemua suspek ditangkap kira-kira jam 6.45 hingga 7.15 petang Selasa di SPRM Perlis, setelah ditahan di sekitar Perlis dan Terengganu.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman mengesahkan tangkapan tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Dalam pada itu, Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli menyerahkan kepada budi bicara dan kebijaksanaan SPRM untuk menjalankan siasatan membabitkan penahanan anak lelakinya.

Mohd Shukri yang juga Pésuruhjaya Pas Perlis memaklumkan, beliau mengetahui mengenai penahanan reman melibatkan salah seorang anaknya pada pagi Rabu.

"Saya sudah maklum mengenai berita tersebut daripada SPRM. Saya serahkan kepada budi bicara SPRM.

"Setakat itu sahaja respons saya pada hari ini," katanya ringkas.



SINAR HARIAN 25.04.2024 (KHAMIS)

Lima staf awam direman kes rasuah

SHAH ALAM - Seramai lima penjawat awam direman selama tiga hari di Mahkamah Majistret di sini pada Rabu, bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima rasuah antara RM3,000 hingga RM15,000 sebagai balasan tidak mengenakan pempotongan bayaran tuntutan bulanan *Notice-To-Correct* bagi kerja-kerja kontrak pembersihan, bermula enam tahun lalu.

Majistret, Muhammad Syafiq Sulaiman mengeluarkan perintah reman sehingga

26 April, selepas membenarkan permohonan daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, empat suspek lelaki dan seorang wanita berusia antara 30 hingga 40-an berkenaan ditahan pada Selasa, ketika hadir untuk merakam keterangan di Pejabat SPRM Selangor.

"Siasatan awal mendapati, kejadian dipercayai berlaku antara tahun 2018 hingga 2020 dan wang ra-

suah yang diterima adalah secara pindahan ke akaun peribadi.

"Wang berkenaan sebagai balasan tidak mengenakan pempotongan, ke atas sebuah syarikat pembersihan swasta bagi kerja-kerja yang dilakukan di sekitar daerah di sini," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan terhadap suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.



Lima penjawat awam yang memakai baju lokap SPRM berwarna oren, direman tiga hari di Mahkamah Majistret Shah Alam pada Rabu, bagi membantu siasatan kes rasuah babit tuntutan bulanan *Notice-To-Correct*, bermula enam tahun lalu.



HARIAN METRO

25.04.2024 (KHAMIS)

Anak **MB** Perlis kena reman

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Bantu siasatan berhubung pemalsuan dokumen tuntutan RM600,000

Kangar

Anak kepada Menteri Besar Perlis adalah antara enam individu yang direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya bagi membantu siasatan berhubung pemalsuan dokumen dalam membuat tuntutan palsu berjumlah RM600,000.

Turut ditahan reman adalah Setiausaha Sulit Kanan Menteri Besar Perlis.

Sumber berkata, perintah reman dikeluarkan Majistret Ana Rozana Mohd Nor selepas tertuduh dibawa ke mahkamah jam 8.45 pagi semalam.

"Suspek yang ditahan berusia antara 27 hingga 37 tahun. Dia dikehendaki bagi membantu siasatan berkaitan pelaksanaan projek pembangunan prasarana seperti membaiki pulih, menyelenggara, perbekalan dan perkhidmatan di seluruh Perlis sejak 2022 hingga hari ini.

"Siasatan dipercayai juga

'Terserah budi bicara SPRM'

Kangar: Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli menyerahkan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menyalut kes tuntutan palsu susulan penahanan anaknya di Perlis kelmarin.

"Saya menyerahkan kepada budi bicara SPRM sepenuhnya (dalam siasatan ini), terima kasih.

"Saya tiada gundah gulana, esok (hari ini) saya jawab dalam dewan, itu sahaja setakat ini," katanya ketika ditemui selepas Mesyuarat Persid-

menjurus kepada tuntutan palsu terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.

"Suspek yang ditahan itu dipercayai berperanan

"Siasatan dipercayai juga menjurus kepada tuntutan palsu terhadap kerja yang tidak dilaksanakan"

ngan Dewan Undangan Negeri (Dun) Perlis ke-15 di Kompleks Dun Perlis, Persiaran Wawasan di sini, semalam.

Terdahulu, anak kepada Menteri Besar Perlis itu yang juga Pesuruhjaya Perlis dan Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Perlis menjadi antara enam individu yang ditahan dan direman sehingga hari ini oleh SPRM Putrajaya bagi membantu siasatan berhubung pemalsuan dokumen dalam membuat tuntutan palsu berjumlah RM600,000.

sebagai pemilik syarikat, kontraktor dan penjawat awam di Pejabat Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Men-



ANAK Menteri Besar Perlis (depan sekali) dan Setiausaha Sulit Kanan Menteri Besar Perlis dibawa keluar dari pekarangan Mahkamah Kangar semalam.

teri Besar Perlis," katanya.

Menurutnya, suspek ditahan sekitar jam 7 hingga 8 pagi kelmarin sekitar Perlis.

"Siasatan dilaksanakan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM. Jumlah anggaran keseluruhan projek berkenaan bernilai RM600,000," katanya.

Ana Rozana kemudian membenarkan permohonan reman yang dikemukakan Pegawai Penyiasat SPRM, Chin Ching Yuen manakala semua tertuduh diwakili peguam Mohd Fadhly Yaacob.

Mohd Fadhly pula dalam hujahnya membantah permohonan reman yang dikemukakan pihak penyia-

sat atas alasan siasatan dilakukan melebihi 24 jam dan anak guamnya sudah memberikan kerjasama yang baik.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM Putrajaya, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.



SINAR HARIAN

26.04.2024 (JUMAAT)

Bina generasi bebas rasuah di MRSM

Siri Jelajah Wira Antirasuah Mara X Rasuah Busters

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA SHAH ALAM

Jelajah Antirasuah Mara X Rasuah Busters memberi manfaat besar kepada pelajar apabila didedahkan dengan ilmu pengetahuan rasuah agar tidak terjebak dengan anasir itu yang kini dianggap 'rezeki' bagi segelintir pihak.

Pengetua Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Sungai Besar, Mohamad Firdaus Abd

Razak berkata, generasi muda kini sebenarnya rapuh dan mudah dibeli dengan sesuatu jika tidak mempunyai daya tahan tinggi.

Menurut beliau, sudah tiba



Ketua Sekretariat Rasuah Busters, Nurhayati Nordin (tengah) bergambar bersama pelajar selepas tamat program jelajah Antirasuah Mara X Rasuah Busters.



FIRDAUS

MUKHLIS

ADANI DAMIA

mengenai rasuah antaranya apa itu rasuah, cara elak atau hindar dan banyak lagi. Sememangnya ini

adalah peluang yang bermanfaat kepada pelajar

"Selain itu, peranan ini sebenarnya perlu dimainkan oleh semua pihak, misalnya para pelajar bila datang asrama, guru

masanya untuk bina balik generasi yang mempunyai jati diri sekali gus bebas rasuah.

"Kami mengucapkan terima kasih di atas kunjungan Rasuah Busters untuk berkongsi ilmu

Sungai Besar, Mukhlis Ahmad Tarmizi, 17 berkata, program Rasuah Busters itu sangat bermanfaat kepada pelajar untuk lebih memahami maksud rasuah.

"Sebagai pemimpin, perkara tersebut perlu difahami oleh saya agar dapat menegur atau mengambil tindakan kepada mana-mana pelajar berbuat demikian.

"Pemahaman rasuah perlu bermula di peringkat sekolah agar sehati dalam diri. Apa ilmu yang diperoleh hari ini, saya akan sampaikan kepada kawan-kawan yang lain kerana rasuah berkait rapat dengan kehidupan seharian kita," jelasnya.

Bendahari Biro Lembaga Disiplin Pelajar MRSM, Adani Damia Isharizam, 17, pula berkata, sebelum ini dia fikir rasuah hanya melibatkan pemberian atau penerimaan duit namun hakikatnya boleh terjadi dalam pelbagai bentuk.

"Kini saya sudah tahu rasuah ada banyak kategori selain wang ringgit malah boleh jadi di merata tempat bukannya di tempat kerja semata-mata," jelasnya.

yang mengambil alih tugas membentuk generasi muda bebas rasuah pada masa akan datang," jelasnya kepada *Sinar Harian*.

Terdahulu, program berkenaan mendapat sambutan daripada 835 warga MRSM Sungai Besar termasuk guru, pelajar serta kakitangan.

Sementara itu, Presiden Badan Wakil Pelajar MRSM



SINAR HARIAN 26.04.2024 (JUMAAT)

Isytihar harta: Tun M antara disiasat

SPRM akan dedah hasil siasatan pada masa yang sesuai

GUA MUSANG

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad antara individu disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu pengisytiharan harta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, ekoran penyiasatan itu, kedua-dua anaknya juga telah diberi notis untuk mengisytiharkan harta dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis di bawah Seksyen

36 Akta SPRM 2009.

"Saya tidak berhasrat untuk memperincikan lagi maklumat lanjut berhubung kes itu, tentang apa kesalahan yang dilakukan kesemua mereka.

"Biarkan SPRM meneruskan siasatan terlebih dahulu sehingga saya fikirkan satu masa yang sesuai untuk kita nyatakan hasil dapatan kes siasatan berkenaan," katanya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pejabat SPRM cawangan Gua Musang yang baharu di Bangunan Persekutuan daerah itu di sini pada Khamis.

Pada 18 Januari lepas SPRM meminta kedua-dua anak Dr Mahathir, Mirzan dan Tan Sri Mohkzani mengisytiharkan segala aset alih dan tidak alih yang berada dalam pegangan sama ada di dalam atau di luar negara



Azam menandatangani buku pelawat ketika hadir sempena perasmian pejabat SPRM cawangan Gua Musang pada Khamis.

dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis.

Diminta mengulas mengenai siasatan kes menantu bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Azam berkata, ada petunjuk baharu Datuk Seri

Muhammad Adlan Berhan berbelanja menggunakan kad kredit di luar negara.

"Hasil pemantauan SPRM, beliau (Muhammad Adlan) ada menggunakan kad kreditnya dan berbelanja di beberapa negara.

"SPRM memohon kepada Interpol bagi tujuan *red flag* ke atasnya dalam kes ini dan kami masih mengesannya untuk dituduh di mahkamah," jelasnya.

Sementara itu, Azam berkata, SPRM tidak pernah menghentikan siasatan kes pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS).

Jelasnya, ketika ini siasatan pada peringkat menghubungi pihak-pihak berkaitan di luar negara bagi mengambil keterangan.

"Saya menafikan dakwaan siasatan kes LCS dihentikan, sedangkan siasatan kes ini masih aktif diteruskan.

"SPRM juga sedang membuat permohonan Bantuan Undang-Undang Bersama (MLA) melalui Jabatan Peguam Negara untuk beberapa permohonan (dokumen dan bukti) yang dikehendaki kami," tegasnya. - Bernama



SINAR HARIAN

26.04.2024 (JUMAAT)

Reman anak MB Perlis dilanjutkan sehari lagi

KANGAR - Tempoh tahanan reman terhadap anak lelaki Menteri Besar Perlis dilanjutkan sehari lagi sehingga Jumaat bagi membantu siasatan berhubung kes mengemukakan dokumen dan tuntutan palsu bernilai RM600,000 sejak dua tahun lalu.

Empat lagi suspek dilanjutkan tempoh reman masing-masing, sementara seorang penjawat awam di Pejabat Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri yang direman sebelum ini, dibebaskan.

Majistret Ana Rozana Mohd Nor membenarkan perintah sambungan reman terhadap kesemua suspek selepas mendapat permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM,

Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya akan membuat beberapa tangkapan lagi.

"Beberapa pihak lain juga akan dipanggil untuk memberi keterangan kes berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pejabat SPRM cawangan Gua Musang yang baharu di Bangunan Persekutuan Gua Musang di sini pada Khamis.

Pada perkembangan sama, Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli berkata, kalau anaknya didapati bersalah (selepas siasatan dilakukan), hukumlah dia.

"Saya sudah berikan ilmu secukupnya kepada dia, sebab itu saya tidak gundah gulana," katanya ketika sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis di sini pada Khamis.



HARIAN METRO

26.04.2024 (JUMAAT)

Oleh Paya Linda Yahya
am@hmetro.com.my

Gua Musang

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil beberapa lagi individu bagi membantu siasatan pemalsuan dokumen dalam membuat tuntutan palsu berjumlah RM600,000.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya berjaya mendapatkan tempoh reman baharu selama sehari lagi hingga hari ini terhadap suspek bagi melengkapkan siasatan.

"Kes ini sudah pun di-

PALSU DOKUMEN BUAT TUNTUTAN RM600,000

Beberapa pihak akan dipanggil

ketahui umum dan beliau (suspek) sudah ditangkap semalam (kelmarin) serta direman dua hari.

"SPRM sedang menjalankan siasatan dan beberapa pihak lain saya jangka kita akan panggil dan mungkin akan dijalankan tangkapan bagi membuktikan kesalahan yang ber-

laku," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pejabat SPRM Cawangan Gua Musang di Ibu Pejabat Kesedar di sini, semalam.

Terdahulu, media melaporkan tempoh tahanan reman terhadap lima suspek disambung sehari lagi sehingga hari ini bagi

membantu siasatan pemalsuan dokumen dalam membuat tuntutan palsu berjumlah RM600,000.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Ana Rozana Mohd Nor di Mahkamah Majistret Kangar selepas tempoh asal reman kesemua suspek tamat semalam.



HARIAN METRO

26.04.2024 (JUMAAT)

Gua Musang: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapat petunjuk baharu keberadaan Datuk Seri Muhammad Adlan Berhan melalui transaksi kad kredit milik ahli perniagaan itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, selain itu pihaknya juga mendapatkan kerjasama daripada Polis Antarabangsa (Interpol) untuk mengesan menantu bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkenaan.

"Ada petunjuk baharu beliau (Muhammad Adlan) berada di suatu tempat hasil pemantuan kita terhadap penggunaan kad kreditnya. Jadi dia berada di beberapa negara, (dan) kita sudah memohon kepada Interpol bagi tujuan untuk refleksi terhadap beliau.

"Tetapi dalam kes beliau, kita masih lagi mengesan dengan cara kita untuk dituntut di mahkamah.

"Sehingga sekarang tidak ada lagi makluman daripada beliau dan juga seorang peguam yang akan di'sue' (dakwa) bersama beliau," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pejabat SPRM Cawangan Gua Musang di Ibu Pejabat Kesedar di sini, semalam.

MUHAMMAD ADLAN DIKESAN

Dapat petunjuk baharu melalui kad kredit



AZAM (kanan) melawat Pejabat SPRM Cawangan Gua Musang di Ibu Pejabat Kesedar, Gua Musang, semalam.

sedar di sini, semalam.

Justeru, beliau menyeru Muhammad Adlan dan peguamnya tampil bagi meng-

hadapi pertuduhan yang akan dikenakan.

Terdahulu media melaporkan SPRM mengesah-

"Sehingga sekarang tidak ada lagi makluman daripada beliau dan juga seorang peguam yang akan di'sue' (dakwa) bersama beliau"

kan beberapa kertas pertuduhan ke atas Muhammad Adlan sudah lengkap termasuk jenayah pecah amanah (CBT).

Bagaimanapun, Muhammad Adlan serta peguamnya menghilangkan diri dan dipercayai meninggalkan Malaysia pada Mei 2023.



HARIAN METRO

26.04.2024 (JUMAAT)

SPRM siasat isu isytihar harta Tun M

Gua Musang: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan menjalankan siasatan berhubung isu pengisytiharan harta terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan dua anaknya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya tidak dapat memberikan maklumat lanjut berikutan kes berkenaan masih dalam

siasatan.

"Saya ingin mengesahkan beliau (Dr Mahathir) adalah antara yang disiasat dalam kes ini dan kita turut memberi notis kepada kedua-dua anaknya untuk mengisytiharkan harta dalam tempoh yang dinyatakan mengikut Seksyen 36 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

"Saya tak dapat bagi *detail* (maklumat lanjut) tentang apa kesalahan yang dilakukan oleh mereka dan sudah ditohmahkan terhadap Tun M.

"Biarkan penyiasatan berjalan dahulu sehingga pada satu ketika difikirkan sesuai, kita nyata-

kan (hasil siasatan) itu lebih moleklah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pejabat SPRM Cawangan Gua Musang di Ibu Pejabat Kesedar di sini, semalam.

Terdahulu, media melaporkan SPRM enggan mengulas dakwaan dua anak Tun Dr Mahathir kononnya mereka diarah membantu siasatan terhadap bekas Perdana Menteri itu.

Turut beri notis kepada kedua-dua anaknya untuk mengisytiharkan harta



HARIAN METRO

26.04.2024 (JUMAAT)

Buka bilik gerakan hadapi PRK Dun Kuala Kubu Baharu

Gua Musang: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan membuka Bilik Gerakan sebagai persiapan menghadapi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (Dun) Kuala Kubu Baharu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, penubuhan bilik gerakan itu adalah sebagai Pusat Informasi sepanjang PRK berlangsung.

Menurutnya, pegawai SPRM diarahkan untuk memantau perjalanan pilihan raya ini bagi melihat jika ada isu rasuah atau penyalahgunaan kuasa.

"Saya menyeru dua perkara, sekiranya masyarakat mempunyai maklumat isu rasuah maka kita memang alu-alukan dan menggalakkan untuk disalurkan kepada SPRM dalam pelbagai cara.

"Sama ada datang secara bersemuka ke pejabat SPRM, ke bilik operasi atau menghubungi dengan cara panggilan telefon, emel serta MACCMobile.

"Pelbagai cara lagi ada

sekarang untuk salur maklumat dan SPRM akan bertindak sekiranya maklumat berkenaan ada isu-isu rasuah dan salah guna kuasa yang boleh kita siasat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pejabat SPRM Cawangan Gua Musang di Ibu Pejabat Kesedar, di sini, semalam.

Pada masa sama, beliau turut menasihatkan calon dan ejen kempen pilihan raya supaya mematuhi undang-undang mengikut Akta Kesalahan Pilihan Raya 1952.

"Kita menyeru supaya kempen-kempen diadakan dengan cara tertib dan bersih supaya kemenangan seseorang calon adalah kemenangan tulen bukan akibat daripada pengaruh rasuah atau salah guna kuasa," katanya.

Untuk rekod, PRK berkenaan diadakan berikutan kerusi berkenaan diisytiharkan kosong selepas penyandanginya Lee Kee Hiong meninggal dunia pada 21 Mac lalu akibat kanser.



HARIAN METRO

26.04.2024 (JUMAAT)

KES BELI KAPAL SELAM SCORPENE, BINA LCS

Siasatan masih diteruskan

Gua Musang: Siasatan terhadap kes yang mem-babitkan pembelian kapal selam Scorpene dan pem-binaan kapal tempur pe-sisir (LCS) masih diterus-kan.

Ketua Pesuruhjaya Suru-hanjaya Pencegahan Ra-suah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki berkata, pi-haknya masih berhubung dengan pihak di luar ne-gara bagi mendapatkan maklumat berkenaan kes berkenaan.

"Kes (Scorpene) masih berjalan yang mana kita sebenarnya masih berhu-bung dengan pihak-pihak luar negara bagi menda-patkan maklumat keteran-gan tentang beberapa transaksi.

"Alhamdulillah (mak-lum balas) positif dari luar negara yang memberi maklum balas yang kita minta dan kehendaki.

"Jadi saya akan maklum-kan kemudian apabila

sampai masanya tentang sekiranya ada dapat petan-da yang baik, tapi kes ini masih lagi dalam siasatan kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Peja-bat SPRM Cawangan Gua Musang di Ibu Pejabat Ke-sedar di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Azam turut menegaskan beliau menafikan dakwaan pi-hak-pihak luar bahawa sia-satan terhadap LCS dihent-tikan.

"Saya menafikan dakwa-an pihak-pihak luar yang mendakwa siasatan kes LCS dihentikan, sedang-kan siasatan kes ini masih aktif diteruskan.

"Selain itu, SPRM juga sedang membuat permo-honan Bantuan Un-dang-undang Bersama (MLA) melalui Jabatan Pe-guam Negara untuk bebe-rapa permohonan (doku-men dan bukti) yang di-kehendaki," katanya.



SINAR HARIAN 28.04.2024 (AHAD)

Melalui laporan eksklusif 'SPRM Ambush Raja Scammer'

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
KUALA LUMPUR

Laporan eksklusif bertajuk 'SPRM Ambush Raja Scammer' menobatkan *Sinar Harian* sebagai pemenang utama Kategori Media Elektronik sempena Anugerah Media Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2023 pada Jumaat.

Laporan itu dihasilkan Ketua Unit Docu, Salmiah Druhamad Drahsin; Pengarah Video, Rizal Rozy dan juruvideo, Muhammad Hafiz Adnan.

Mereka membawa pulang hadiah RM8,000 bersama plak dan sijil.

Anugerah yang bertangsong di Hotel Impiana KLCC itu disampaikan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki.

Beliau sebelum itu turut mengumumkan tambahan RM2,000 wang kemenangan menjadikan ke-

seluruhan RM8,000.

Anugerah Media SPRM 2023 adalah penganjuran kali keempat sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2020 oleh SPRM bertujuan mengiktiraf karya-karya kewartawanan berkaitan dengan isu-isu rasuah.

Azam turut berterima kasih kepada pihak media yang selama ini membantu menyebarkan luaskan publisiti mengenai SPRM terutama berkait operasi dan pencegahan rasuah.

"Anugerah ini simbolik kepada sumbangan media penerbitan dan media cetak.

"Dan anugerah sebegini akan diteruskan pada masa akan datang dan dipelbagaikan lagi kategori selain dapat berjumpa serta menambah akrab antara SPRM serta media," ujarnya kepada pemberita di sini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Malaysian

Sinar Harian unggul Anugerah Media SPRM



Azam Baki (tengah) bersama pemenang utama kategori media elektronik iaitu Salmiah (tiga dari kanan), Rizal (dua dari kanan) dan Muhammad Hafiz (kanan) sempena Anugerah Media SPRM 2023 pada malam Jumaat.

Press Institute (MPI); Datuk Mustapa Omar.

Azam berkata, penentuan pemenang menyertai Anugerah

Media SPRM 2023 diadili dua pakar media iaitu Mustapa sendiri dan Penasihat Editorial *Bebasnews*, Datuk Mohd Zaini

Hassan serta dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik SPRM, Jules Rahman Ong.



BERITA HARIAN 28.04.2024 (AHAD)

Dua anak Dr Mahathir nafi disiasat SPRM

Kuala Lumpur: Dua anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menepis dakwaan mereka berada di bawah siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM).

Dalam kenyataan bersama, Tan Sri Mokhzani dan Mirzan Mahathir berkata, perintah notis yang diberikan kepada mereka adalah sebagai anak kepada seseorang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Katanya, keseluruhan siasatan itu menjurus bagi menentukan sama ada bapanya menyalahgunakan kuasanya sebagai Perdana Menteri untuk memperkayakan mereka.

"Kami ingin memaklumkan di sini bahawa kami berdua bukan di bawah siasatan SPRM tidak seperti dilaporkan sesetengah media.

"Perintah notis yang diberikan kepada kami adalah sebagai 'anak' kepada seseorang yang

disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

"Kami menyangkal serta menolak tuduhan ini dan ingin membuktikan apa sahaja yang kami peroleh selama ini adalah melalui cara yang sah, menggunakan saluran betul tanpa membitkan sebarang aktiviti jenayah.

"Memandangkan kami dikehendaki mengisytiharkan aset diperoleh selama 43 tahun dan disebabkan kekurangan rekod mak-

lumat tempoh berkenaan, adalah membantu sekiranya SPRM dapat menentukan (melanjutkan) tempoh masa yang bagi siasatan mereka.

"Terdapat juga sindiran yang menyatakan kami memerlukan lebih banyak masa kerana kekayaan kami yang terlalu banyak. Ini tidak benar sama sekali," menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengakui pihaknya kini

sedang menjalankan siasatan terhadap Dr Mahathir bersama dua anaknya.

Bagaimanapun Azam tidak dapat memberikan maklumat secara jelas berkenaan isu yang sedang disiasat.

Mengulas lanjut mengenai lanjutan masa diperlukan, mereka memaklumkan kebanyakan dokumen diperlukan itu sudah tidak lagi boleh didapati, terutama dari institusi kewangan dan sektor awam.

"Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) contohnya hanya memerlukan pembayar cukai untuk menyimpan rekod mencukupi untuk tempoh tujuh tahun dan begitu juga dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

"Bagaimanapun, kami sedang berusaha sedaya upaya untuk mengumpulkan dokumen ini, tetapi ada yang hampir mustahil untuk diperoleh memandangkan ia tidak lagi wujud," katanya.



Mokhzani
Mahathir



Mirzan
Mahathir



SINAR HARIAN

29.04.2024 (ISNIN)

Op Hibur: 11 penjawat awam antara 49 individu ditahan kerana dadah

JOHOR BAHRU - 11 penjawat awam antara 49 individu yang ditahan dalam operasi khas di sebuah premis hiburan di Batu Pahat pada awal pagi Ahad.

Ketua Polis Johor, Komisioner M Kumar berkata, kesemua mereka ditahan dalam Op Hibur oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, sekitar jam 1 pagi hingga 10 pagi.

Menurutnya, operasi khas yang turut disertai tiga pegawai dan tujuh anggota itu turut mendapati pusat hiburan berkenaan telah beroperasi melebihi had masa yang ditetapkan.

"Hasil saringan awal air kencing mendapati 30 individu positif dadah jenis methamphetamine, ketamin dan benzodiazepine melibatkan 24 warga tempatan dan enam warga asing.

"Kesemua yang ditahan dalam lingkungan usia antara 17 tahun hingga 52 tahun manakala 11 penjawat awam yang ditahan berusia antara 24 tahun hingga 49 tahun," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini pada Ahad.

Beliau berkata, polis turut menahan seorang lelaki berusia 29 tahun yang mengaku sebagai penjaga premis dan didapati positif dadah serta menjalankan perniagaan melebihi had masa ditetapkan.

Bagaimanapun, ujar beliau, hasil pemeriksaan lanjut mendapati premis tersebut mempunyai lesen perniagaan dan lesen hiburan yang sah.

Kesemua yang ditangkap direman empat hari mulai 28 April hingga 1 Mei 2024 untuk siasatan lanjut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 39(b) Akta Imigresen 1959/63; Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63; Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63; Seksyen 11(2) Enakmen Hiburan Negeri Johor 4/98 dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.



SINAR HARIAN 29.04.2024 (ISNIN)

SPRM siasat seorang pemimpin kanan di utara tanah air

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat seorang pemimpin kanan di utara tanah air kerana disyaki telah melantik beberapa syarikat yang mempunyai kepentingan dengannya membabitkan projek pembekalan melibatkan peruntukan bernilai kira-kira RM300,000.

Menurut sumber, pemimpin tersebut juga disyaki melantik beberapa syarikat bagi kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan jalan yang melibatkan peruntukan Pejabat Menteri Besar kira-kira RM1 juta yang mana syarikat tersebut mempunyai kepentingan dengan anaknya.

"Projek-projek tersebut juga dipercayai dimonopoli oleh anak pe-

“

Setakat ini, sebanyak 15 buah syarikat telah dikenal pasti dikawal oleh anak pemimpin tersebut dan antara kerja-kerja yang dilakukan adalah melibatkan pembekalan air mineral serta pembekalan hamper dan cenderahati.”

mimpin tersebut dengan menggunakan beberapa lesen syarikat-syarikat di bawah kawalannya,” katanya.

Menurutnya, kesalahan tersebut dipercayai dilakukan sejak Januari

tahun lalu hingga Mac lalu dan syarikat-syarikat tersebut turut disyaki telah mengemukakan dokumen yang mempunyai butiran matan palsu bagi kerja-kerja tersebut selain diberikan komisen kira-kira lima peratus daripada nilai projek.

“Setakat ini, sebanyak 15 buah syarikat telah dikenal pasti dikawal oleh anak pemimpin tersebut dan antara kerja-kerja yang dilakukan adalah melibatkan pembekalan air mineral serta pembekalan hamper dan cenderahati,” kata sumber tersebut.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan siasatan sedang dijalankan berhubung perkara tersebut.



BERITA HARIAN 29.04.2024 (ISNIN)

SPRM, PDRM siasat 4 kereta mewah dikait 1MDB

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang meneliti maklumat mengenai empat kereta model Bugatti Veyron yang dirampas polis Jerman dari ke-

mudahan simpanan persendirian di Munich. Difahamkan, kedua-dua agensi itu ketika ini sedang bekerjasama rapat, termasuk berkongsi maklumat mengenai rampasan kenderaan mewah itu

yang dikaitkan dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain ketika dihubungi *BH* turut mengesahkan, pihaknya akan sedia membantu dalam siasatan kes berkenaan.

"Apa juga bantuan dikehendaki, PDRM akan sedia membantu," katanya, di sini, semalam.

Setakat ini, *BH* bagaimanapun masih belum mendapatkan maklumat lanjut mengenai siasatan difahamkan turut dijalankan oleh SPRM itu.

Seorang pegawai kanan agensi terbabit berkata, SPRM akan memberi respons lanjut berhubung kes berkenaan.

Akhbar di Berlin melaporkan, polis Jerman merampas empat kereta model Bugatti Veyron yang jarang ditemui dari kemudahan simpanan persendirian di Munich, Jerman, yang dikaitkan dengan skandal 1MDB.

Kenderaan mewah dirampas dikelaskan di bawah siri eksklusif 'Legends' kereta hiper Bugatti, yang mana hanya 18 kereta dihasilkan di bawah siri itu.

Empat kenderaan itu ialah Rembrandt edisi Veyron, Black Bess, Jean-Pierre Wimille dan Meo Constantini. Setiap kereta mempunyai harga sekitar AS\$3 juta (RM14.3 juta).

"Kereta itu jarang dijual, dan biasanya tidak dijual di lelongan awam. Kereta berkenaan dikesan dan dirampas oleh anggota Jabatan Siasatan Jenayah 7, yang pakar dalam jenayah kolar putih," menurut media Jerman, *Bild*.

Ia menyatakan, kereta itu diletakkan di tempat letak kereta Motorworld Munich, ketika suatu pertunjukan automotif.

Skandal 1MDB membabitkan personaliti daripada ahli politik dan bank sehinggalah bintang Hollywood dan membawa kepada siasatan jenayah di beberapa negara.

Pada 2021, SPRM dengan kerjasama agensi penguat kuasa antarabangsa setakat ini berjaya memulangkan aset 1MDB berjumlah lebih RM20.53 bilion kepada Kerajaan Malaysia.

SPRM memaklumkan, badan itu kini giat meneruskan pemulihan aset dana 1MDB dalam dan luar negara, termasuk di Amerika Syarikat (AS), Emiriah Arab Bersatu (UAE), Taiwan

dan Singapura.

Tahun lalu, SPRM berjaya memperoleh semula RM23.9 juta wang hasil daripada proses pemulihan aset 1MDB dari Ogos 2023 sehingga hingga 5 Februari.

Agensi antirasuah itu dalam kenyataan memaklumkan wang dan aset berkenaan berjaya diperolehi menerusi proses lucut hak, termasuk di mahkamah selain penyerahan secara sukarela daripada lima individu, termasuk RM4.55 juta daripada Amhari Effendi iaitu bekas pegawai Najib.

Pada Mac 2023, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki kemudian mengesahkan kerajaan sudah berjaya mendapatkan kembali lebih 70 peratus aset 1MDB membabitkan jumlah kira-kira RM28.3 bilion.

Ia adalah satu kejayaan besar buat negara hasil kerjasama SPRM, Kementerian Kewangan dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC).

Pada Ogos, Razarudin berkata, SPRM dijangka akan melakukan banyak rampasan berkaitan siasatan 1MDB susulan penahanan sekutu rapat Low Taek Jho atau Jho Low, Jasmine Loo pada 7 Julai lalu.

Ibadat & Fadilat

Anas RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sifat keji itu tidak pernah sama sekali ada pada sesuatu, melainkan akan memburukkannya. Dan sifat malu itu tidak pernah sama sekali ada pada sesuatu, melainkan akan menghiasnya." (HR Ibnu Majjah)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:55	1:18	4:34	7:28	8:40
Alor Setar	5:55	1:18	4:33	7:27	8:39
P. Pinang	5:57	1:18	4:34	7:26	8:38
Ipoh	5:55	1:16	4:33	7:23	8:35
Kuala Lumpur	5:54	1:13	4:31	7:20	8:31
Shah Alam	5:54	1:13	4:31	7:20	8:31
Johor Bahru	5:47	1:05	4:23	7:09	8:20
Kuantan	5:49	1:08	4:25	7:13	8:25
Seremban	5:54	1:12	4:30	7:17	8:29
Bandar Melaka	5:53	1:11	4:29	7:16	8:27
Kota Bharu	5:48	1:11	4:27	7:20	8:27
K. Terengganu	5:45	1:07	4:23	7:15	8:27
Kota Kinabalu	4:53	12:15	3:31	6:24	7:35
Kuching	5:22	12:40	3:58	6:44	7:55



SINAR HARIAN 29.04.2024 (ISNIN)

4 Bugatti Veyron edisi terhad dirampas

Dikaitkan dengan skandal 1MDB, disita dari tempat simpanan persendirian

INFO

- Siri eksklusif terhad Legends Edition
- Hanya 18 unit dihasilkan
- Setiap satunya berharga RM14.3 juta



Antara model kereta mewah Bugatti Veyron yang dirampas polis Jerman dikaitkan dengan siasatan skandal 1MDB.

BERLIN, JERMAN

Polis Jerman dilaporkan merampas empat buah kereta mewah Bugatti Veyron edisi terhad di Munich awal minggu ini yang dikaitkan sebagai sebahagian daripada siasatan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Akhbar Jerman, *Bild* melaporkan, empat kereta hiper yang dikaitkan dengan skandal 1MDB itu dirampas dari kemudahan



simpanan persendirian. Kenderaan berkenaan dikatakan sebahagian daripada edisi *Les Legendes de Bugatti* atau *Legends Edition* yang mana hanya 18 unit dibina di bawah enam varian diperkenalkan. Empat edisi terhad kenderaan berkenaan ialah Rembrandt Bugatti, Black Bess, Jean-Pierre Wimille dan Meo Constantini. Setiap satunya mempunyai harga sekitar AS\$3 juta (RM14.3 juta). "Kereta ini jarang dijual dan biasanya tidak dijual di lelongan awam. Kereta berkenaan di-

kesan dan dirampas oleh anggota Jabatan Siasatan Jenayah 7, yang pakar dalam jenayah kolar putih," katanya.

Bild melaporkan, kereta hiper itu diletakkan di parkir Motorworld Munich sewaktu berlangsungnya satu pertunjukan automatif.

Skandal 1MDB mengheret ramai personaliti ternama terdiri daripada ahli politik dan bank sehinggalah bintang Hollywood.

Sementara itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Ahad mengesahkan pihaknya sudah menghantar permohonan untuk mendapat

maklumat terkini daripada pihak berkuasa Jerman berhubung rampasan empat kereta model Bugatti Veyron itu.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya sudah memulakan siasatan berhubung isu berkenaan sejak tahun 2020.



HARIAN METRO

30.04.2024 (SELASA)



MUHAMAD Alif (kiri) mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan.

Kuala Terengganu: Seorang anggota polis berpangkat kopersal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menerima suapan berjumlah RM1,450 untuk membawa masuk barang terlarang ke dalam lokap.

Tertuduh, Muhamad Alif Abdul Jamal, 33, yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kemaman mengaku tidak bersalah selepas dua pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Mengikut pertuduhan

Tak mengaku terima RM1,450 seludup tembakau ke lokap

pertama dan kedua, tertuduh didakwa menerima suapan RM1,000 dan RM450 daripada seorang wanita sebagai dorongan melakukan suatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipal.

Suapan itu bertujuan untuk membawa masuk barang terlarang iaitu tembakau kepada seorang tahanan lokap.

Dia didakwa melakukan

kesalahan itu di lokap Balai Polis Chukai, Kemaman pada 17 April 2021 dan 30 November 2021.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama.

Tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 20

tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian menetapkan 5 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,000 bagi kedua-dua pertuduhan.

Tertuduh turut dikena-

kan syarat tambahan iaitu dilarang mengganggu saksi pendakwaan dan menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah.

Selain itu, tertuduh juga melapor diri ke pejabat SPRM terdekat antara 1 hingga 7 hari bulan setiap bulan sehingga kes selesai.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mariah Omar dan Pegawai Pendakwa SPRM, Nur Raihan Mohd Yusof manakala tertuduh diwakili peguam, Masliela Ismail.



HARIAN METRO

30.04.2024 (SELASA)

TERIMA RASUAH URUS JENAZAH

Didenda **RM3,000**

Bernamea

Kuantan

Seorang penolong pegawai perubatan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) Temerloh didenda RM3,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan menerima rasuah berkaitan kerja pengurusan jenazah, tiga tahun lalu.

Hakim Mohd Sabri Ismail menjatuhkan hukuman berkenaan terhadap Moh Roffi Ab Rahman, 58, selepas dia menukar pengakuan kepada bersalah atas tiga pertuduhan itu pada prosiding semalam.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara 18 bulan sekiranya gagal membayar denda itu.

Berdasarkan kesemua pertuduhan, Moh Roffi yang bertugas di Unit Perubatan Forensik HoSHAS didakwa menerima rasuah sebanyak RM1,600 yang dimasukkan secara pindahan wang ke akaun bank miliknya oleh dua individu terbabit dalam kerja pengurusan mayat dan jenazah di sebuah bank di Bandar Pusat Jengka, Bandar Jengka antara 8 April hingga 27 Jun 2021.

Bapa kepada lima anak itu didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksamaan yang memperuntuk-



MOH Roffi (dri) berdepan tiga pertuduhan menerima rasuah berkaitan kerja pengurusan jenazah, tiga tahun lalu.

kan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM1,400 bagi pertuduhan pertama, denda RM600 bagi pertuduhan kedua dan denda RM1,000 bagi pertuduhan ketiga.

Mahkamah perintah tertuduh jalani hukuman penjara 18 bulan sekiranya gagal membayar denda

Pada 19 Oktober tahun lalu, Moh Roffi mengaku tidak bersalah atas 12 pertuduhan menerima wang berjumlah RM3,350 berkaitan kerja pengurusan jenazah di hospital terabit.

Bagaimanapun, sembilan lagi pertuduhan membabit-

kan kesalahan sama yang dihadapi Moh Roffi sebelum ini dipertimbangkan sebagai *take into consideration* (TIC) di bawah Seksyen 171A Kanun Tatacara Jenayah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Rifah Izzati Abdul Mutalif manakala tertuduh diwakili peguam Shahidah Muslimah Roslan.